

Teks: Nur Izzatul Aqilah Jamal

Tradisi



Adat Perkahwinan di Kelantan Dahulu dan Sekarang

Bagi masyarakat Melayu, adat sangatlah penting dan perlu diutamakan dalam kehidupan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap kegiatan yang dilakukan oleh mereka akan dipengaruhi dengan adat tersendiri, termasuklah bagi majlis perkahwinan masyarakat Melayu.

Pepatah Melayu “biar mati anak, jangan mati adat” menunjukkan bahawa betapa pentingnya adat dan amalar dalam kalangan masyarakat Melayu dahulu. Terdapat pelbagai pepatah dan juga ungkapan yang merujuk kepada perlakuan sesuatu adat itu. Dalam hal ini, kebanyakan adat juga merujuk kepada peraturan terhadap kehidupan harian, serta juga dipandang sebagai ritual ataupun tatacara dalam sesebuah kepercayaan.

Adat perkahwinan Melayu merupakan satu daripada adat resam yang paling disayangi dan dipegang teguh oleh kebanyakan orang Melayu sejak turun-temurun bagi menggambarkan identiti mereka. Namun begitu, pada zaman sekarang, tidak semua orang mengetahui dan memahami adat perkahwinan Melayu yang sebenar. Terdapat beberapa adat yang penting dalam sesuatu majlis perkahwinan masyarakat Melayu yang perlu diketahui oleh setiap masyarakat.

Makalah ini menceritakan perbezaan adat perkahwinan Melayu pada zaman dahulu dengan sekarang, khususnya

Kelantan. Malahan adat yang diamalkan sekarang jauh lebih berbeza dengan adat perkahwinan yang asal. Bagi menjalankan sesuatu adat perkahwinan, mestilah melalui beberapa fasa yang penting untuk diamalkan.

Perkahwinan masyarakat di Kelantan sebenarnya sangat mengikuti adat, tetapi sekadar mana yang disyariatkan oleh agama Islam sahaja. Manakala adat yang tidak bertepatan dengan hukum agama akan dihapuskan. Sebagai contohnya, adat bersanding atau pun adat menepung tawar tidak diadakan di Kelantan kerana dikatakan tidak islamik. Antara adat yang diamalkan oleh masyarakat di Kelantan termasuklah merisik, bertunang dan bernikah atau pun berkahwin.

Amalan merisik di Kelantan dikatakan tiada perbezaan dengan apa-apa yang diamalkan di negeri lain. Orang dahulu merisik, atau senang dibahasakan dengan risik, dilakukan bagi wakil keluarga si lelaki atau pihak ketiga yang ditugaskan oleh pihak lelaki bagi menyiasat status si

perempuan. Setelah itu, pihak lelaki mengadakan rombongan ke rumah keluarga pihak perempuan.

Sekiranya si perempuan masih bujang dan belum mempunya, ada kalanya pihak lelaki akan menghadiahkan sebentuk cincin belah rotan dan sepasang kain sebagai tanda kepada si perempuan. Seterusnya, acara meminang pula menyusul. Namun begitu, acara merisik ini jarang dilakukan dalam adat perkahwinan di Kelantan pada masa ini dan hanya diteruskan dengan pertunangan. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat sekarang lebih selesa berkenalan dengan cara tersendiri, lalu diteruskan dengan acara bertunang sahaja tanpa merisik.

Bagi adat pertunangan pula, pada kebiasaannya masyarakat Kelantan pada zaman dahulu tidak terlalu menekankan adat ini dan mereka teruskan dengan majlis perkahwinan. Terdapat juga masyarakat Kelantan yang bertunang pada hari ini dan keesokannya terus berkahwin. Hal ini dikatakan demikian kerana

orang tua-tua beranggapan bahawa perkahwinan seharusnya dipercepatkan dan tidak baik untuk disimpan lama-lama.

Walaupun begitu, pertunangan bukanlah sesuatu yang asing bagi masyarakat di Kelantan. Bahkan sekarang, semakin ramai yang bertunang dahulu dengan majlis yang gah dan besar-besaran, serta lengkap dengan hiasan pelamin. Yang pasti, masyarakat di Kelantan lebih mengutamakan barangan sebagai hadiah pada majlis pertunangan, berbanding dengan pemberian makanan yang diamalkan oleh orang Kelantan terdahulu yang hanya memberikan makanan seperti manisan.

Persetujuan berkaitan dengan jumlah hantaran dicapai pada hari pertunangan atau sebelum hari akad nikah berlangsung. Persetujuan ini dilakukan antara kedua-dua belah pihak bagi memudahkan keluarga pengantin perempuan menyediakan balasan bagi hantaran yang diberikan oleh pengantin lelaki mengikut kesepakatan yang telah dibincangkan.



Jamuan makan ketika majlis perkahwinan di Kelantan pada zaman dahulu.

Balasan hantaran ini mestilah dalam jumlah yang ganjil ataupun sama antara kedua-dua belah pihak. Pihak perempuan juga perlu menyediakan hantaran dalam kuantiti yang lebih daripada jumlah hantaran yang diberikan oleh pihak pengantin lelaki. Sebagai contohnya, jika pihak pengantin lelaki menyediakan lima barang hantaran, maka pihak pengantin perempuan perlu membalasnya dengan tujuh barang hantaran:

Balasan daripada pihak perempuan terdiri daripada barangan keperluan lelaki seperti pakaian lelaki, sejadah, al-Quran, jam tangan, cincin suasa dan bahan-bahan lain seperti makanan. Makanan yang sering dijadikan sebagai balasan di Kelantan ialah pulut semangat dan telur, sirih junjung, buah-buahan, ayam golek, kek ising dan juga manisan. Walaupun begitu, kini, makanan jarang dijadikan sebagai hadiah hantaran kerana masyarakat lebih memilih dalam bentuk barangan sahaja.

Selanjutnya, dalam majlis pernikahan di negeri ini, hantaran

Bagi adat pertunangan pula, pada kebiasaannya masyarakat Kelantan pada zaman dahulu tidak terlalu menekankan adat ini dan mereka teruskan dengan majlis perkahwinan. Terdapat juga masyarakat Kelantan yang bertunang pada hari ini dan keesokannya terus berkahwin.



Hadiah hantaran untuk pengantin pada zaman dahulu.

diangkat dalam akad nikah bersekali dengan mas kahwin yang telah ditetapkan nilainya mengikut negeri. Hantaran bagi orang Kelantan adalah hak milik sepenuhnya si pengantin perempuan dan tidak boleh digunakan sebagai perbelanjaan perkahwinan melainkan mendapat persetujuan daripada pengantin perempuan.

Dahulu, perbelanjaan majlis perkahwinan bagi pihak perempuan, atau digelar sebagai *baekwoh* di Kelantan, tidak ditanggung sepenuhnya oleh pihak pengantin lelaki. Namun begitu, berbeza pula dengan zaman sekarang, pihak pengantin lelaki perlu menanggung kenduri bagi pihak pengantin perempuan sepenuhnya seperti yang diamalkan di kebanyakan negeri lain.

Pada zaman dahulu majlis perkahwinan di Kelantan hanya dilakukan secara kecil-kecilan. Hal ini dikatakan demikian kerana selepas selesainya akad nikah, pihak pengantin terus ke bilik dan

mengadakan sesi bergambar di bilik pengantin sahaja tanpa ad majlis ataupun acara bersanding. Mereka mengambil gambar bersama-sama ahli keluarga, sahabat dan juga tetamu yang hadir untuk dijadikan kenangan. Di samping itu, bagi tetamu yang hadir, mereka menikmati hidangan yang disediakan oleh pihak pengantin di dalam ruma.

Berbeza dengan zaman sekarang, majlis perkahwinan perlu disediakan pelamin untuk bersanding, bahkan ada yang menyewa dewan dan khemah bagi yang berkemampuan. Ada kalanya majlis perkahwinan di sebelah pihak perempuan yang menggunakan perkataan "*walimatul urus*" pada kad undangan, atau pun disebut sebagai *ngaellae* di Kelantan, maka para tetamu yang hadir perlu menyediakan duit hadiah untuk diberikan kepada keluarga pengantin perempuan.

Hantaran yang disediakan ini selalunya digubah cantik dan

letakkan di dalam bekas yang ahal. Hantaran dalam bentuk akanan yang digubah diletakkan dalam bekas dan dipamerkan pada tetamu yang hadir. Bagi pengantin yang bersanding, hantaran ini diaturkan di hadapan mempelamin, iaitu sebelah untuk mempelantaran pengantin lelaki dan sebelah lagi untuk balasan daripada pihak pengantin perempuan. Bagi pengantin yang tidak bersanding pula, hantaran daripada pihak mempelalaki dan pihak mempelaperempuan diaturkan di dalam bilik tidur mempelangantin atau pun di bahagian belakang rumah.

Ada sesetengah tetamu melihat barangan hantaran dan juga balasan hantaran ini untuk membuat penilaian berdasarkan apa-apa yang mereka perhatikan. Sebagai contohnya, dari segi kemampuan keluarga pengantin mempelalaki dan pihak pengantin mempelaperempuan.

Setelah majlis selesai, ketika ahli keluarga pengantin mempelalaki dan mempelaperempuan berangkat pulang, maka mempelahak pengantin mempelaperempuan akan memberikan buah tangan yang dipanggil “nasi beasey” yang diletakkan dalam mangkuk tingkat dan isinya adalah juadah ketika majlis tersebut.

Setelah selesai majlis bersanding di sebelah pihak mempelangantin mempelaperempuan, maka majlis menyambut menantu mempelapula dijalankan di sebelah pihak mempelangantin mempelalaki pada hari yang berbeza. Majlis menyambut

Dahulu, perbelanjaan majlis perkahwinan bagi pihak mempelaperempuan, atau digelar sebagai *baekwoh* di Kelantan, tidak ditanggung sepenuhnya oleh pihak mempelangantin mempelalaki. Namun begitu, berbeza pula pada zaman sekarang, pihak mempelangantin mempelalaki perlu menanggung kenduri bagi pihak mempelangantin mempelaperempuan sepenuhnya seperti yang diamalkan di kebanyakan negeri lain.

menantu ini dilakukan untuk mengelakkan daripada sebarang fitnah berlaku kepada ahli keluarga mempelapihak mempelangantin mempelalaki. Majlis menyambut menantu selalunya dilakukan secara sederhana sahaja.

Pada majlis menyambut menantu ini, pihak mempelangantin mempelaperempuan bertandang ke rumah ahli keluarga mempelangantin mempelalaki bagi memberitahu kepada ahli keluarga dan juga orang kampung bahawa hubungan mereka telah sah sebagai suami isteri. Pihak mempelangantin mempelalaki akan menyediakan hidangan makanan, seperti laksa

Kelantan, kepada tetamu yang hadir. Walaupun begitu, majlis sebegini telah jarang dilakukan pada zaman sekarang. Bahkan majlis bersanding dan menyambut menantu dijalankan sekali gus pada hari yang sama bagi

menjimatkan kos perbelanjaan perkahwinan bagi kedua-dua belah pihak.

Adat perkahwinan merupakan kesinambungan berdasarkan kepercayaan bagi setiap masyarakat mengikut negeri masing-masing. Adat ini mencerminkan budaya dan adat resam yang harus dijaga bagi tatapan generasi akan datang dan menjadi sejarah bagi sesuatu bangsa. Arus kemodenan pada hari ini sedikit sebanyak menjejaskan warisan budaya dan adat resam, khususnya adat perkahwinan di Kelantan.

Dalam hal ini, agama Islam tidak pernah sesekali melarang para penganutnya daripada mengamalkan kebudayaan dan kesenian yang terdapat dalam setiap adat. Bahkan, perlu juga difahami bahawa setiap amalan yang dipraktikkan itu perlulah selaras dan selari mengikut syariat Islam. Begitu jugalah halnya dengan adat perkahwinan dahulu dan sekarang yang sewajarnya dipertahankan selagi tidak bertentangan dengan syariat agama. **DB**



Majlis perkahwinan kini sering diadakan di dewan secara besar-besaran.